

08/06/2000

Tajol serah kepada PM lantik pengerusi

IPOH, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, menyerahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli Majlis Tertinggi (MT) parti.

Beliau berkata, Dr Mahathir memiliki hak prerogatif untuk melantik ahli yang difikirkan layak menduduki jawatan berkenaan, walaupun ia bukan di kalangan Menteri Besar atau Ketua Menteri.

"Pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli MT adalah hak prerogatif Presiden parti.

"Bagi saya, sesiapa pun yang dilantik kita akan setuju," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di pejabatnya, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata demikian ketika mengulas bayangan yang dibuat oleh Dr Mahathir bahawa Menteri Besar dan Ketua Menteri tidak semestinya dilantik menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri atau sebagai ahli MT.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, perkara itu tidak semestinya terjadi walaupun kelazimannya Menteri Besar dilantik mengetuai Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing.

Mesyuarat MT kelmarin belum memutuskan perlantikan Pengerusi Badan Perhubungan negeri dan 10 anggota MT yang dilantik. Perlantikan itu dijangka dibuat sebelum mesyuarat MT akan datang iaitu dalam tempoh dua minggu lagi.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi melalui pemilihan Perhimpunan Agung, manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden.

Isu perlantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri timbul ekoran kekalahan beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam pemilihan parti 11 Mei lalu.

Tajol Rosli yang memenangi kerusi MT dalam pemilihan parti lalu berkata, adalah tidak wajar beliau sebagai penyandang jawatan memberi ulasan mengenai perlantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

"Lagipun saya baru beberapa bulan (menyandang jawatan Menteri Besar). Tak tahulah, terpulang pada Perdana Menteri, kita setuju (apa saja keputusan Dr Mahathir)," katanya.

(END)